

SOALAN NO.: 48

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
KAWASAN : PARIT SULONG

SOALAN:

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapa kesesakan luar biasa yang berlaku di jambatan yang baru sahaja siap di Parit Keliling semasa perayaan Aidilfitri baru-baru ini dan apakah terdapat perancangan dari pihak Kementerian untuk memperbesarkan Jambatan Batu Pahat tersebut bagi mengatasi "bottleneck" di Jambatan Sungai Batu Pahat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memberikan komitmen untuk melaksanakan Projek Central Spine Road (CSR) yang bermula dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 350km. Projek CSR ini bakal menjadi laluan yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna yang ingin menuju ke Pahang dan Kelantan menerusi Gua Musang apabila siap kelak. Projek ini dibahagikan kepada 6 pakej utama iaitu:

- Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan (47km)
- Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59km)
- Pakej 3: Gua Musang ke Kg. Relong, Kuala Lipis, Pahang (92.5km)
- Pakej 4: Kg. Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (50km)
- Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (54km)
- Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (47.5km)

Projek CSR dilaksanakan secara berperingkat dan keutamaan kerajaan ialah untuk melaksanakan sebahagian Pakej 3 dari Gua Musang, Kelantan ke Kg. Relong, Pahang atas aspek keselamatan dan Pakej 5 dari Raub ke Bentong, Pahang atas aspek kesesakan lalu lintas.

Pada masa ini, sebahagian jajaran tersebut sepanjang 41.35km iaitu dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Seberang Jelai, Pahang telah pun siap. Jajaran yang sedang dalam pembinaan pula ialah sepanjang 48.3km

dan dijangka siap secara berperingkat sehingga Oktober 2019 iaitu jajaran dari:

- (i) Mentara ke Kg. Kubang Rusa, Pahang; dan
- (ii) Kg. Asap ke Kg. Sertik serta Bentong Bypass, Pahang

Seterusnya, jajaran yang sedang dalam perolehan pula ialah sepanjang 26.5km iaitu dari:

- (i) Bulatan Gua Musang ke Mentara, Kelantan
- (ii) Kg. Orang Asli Sg. Chandan ke Kg. Asap, Pahang

Bagi Projek Membina Lebuhraya dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan, sepanjang 61.36km, projek ini akan bersambung dengan Pakej 1 Projek Central Spine Road di Kuala Krai, Kelantan. Projek yang dilaksanakan secara berperingkat bermula RMKe-10 ini dibahagikan kepada tiga (3) pakej utama iaitu:

- Pakej 1 dari Wakaf Che Yeh ke Kadok sepanjang 10.8km
- Pakej 2 dari Kadok ke Machang sepanjang 28.95km
- Pakej 3 dari Machang ke Kuala Krai sepanjang 21.61km

Selaras dengan keperluan trafik semasa, pelaksanaan projek ini telah dimulakan dengan tiga (3) kontrak pembinaan iaitu:

- (i) Pakej 1B dari Pasir Hor ke Kadok sepanjang 7km yang bermula April 2014 dan dijangka siap pada Februari 2018. Kemajuan kerja sehingga 10 Julai 2017 ialah 83%.

- (ii) Pakej 2A dari Kadok ke Kateroh sepanjang 6.85km yang bermula pada April 2015 dan dijangka siap pada November 2018. Kamajuan kerja sehingga 10 Julai 2017 ialah 47%.
- (iii) Pakej 2B dari Kateroh ke Kok Lanas sepanjang 6.2km pula masih dalam peringkat perolehan.

Pelaksanaan fizikal projek bagi pakej-pakej lain Projek Central Spine Road dan Projek Membina Lebuhraya dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat dalam RMKe-11, tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (49)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

SOALAN :

**YB DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) jumlah pemilikan dan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam syarikat dan projek tempatan; dan
- (b) jumlah penglibatan syarikat serta ekuiti Bumiputra dan tempatan di dalam projek yang dijalankan oleh syarikat asing di Malaysia.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Maklumat nilai aset kewangan mengikut kaum yang ada sehingga kini adalah berasaskan pemilikan ekuiti modal saham dalam sektor korporat. Maklumat terkini adalah bagi tahun 2011 dan maklumat bagi tahun-tahun seterusnya sedang dikemas kini oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pada tahun 2000, pemilikan ekuiti modal saham sektor korporat menunjukkan 18.9 peratus dimiliki oleh Bumiputera, 41.3 peratus oleh Bukan Bumiputera dan 31.3 peratus oleh kepentingan asing. Manakala, pada tahun 2011 pula, struktur pemilikan ekuiti modal saham di sektor korporat menunjukkan 23.4 peratus dimiliki oleh Bumiputera, 34.9 peratus oleh Bukan Bumiputera dan 37.2 peratus oleh kepentingan asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data ekuiti bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 sedang dikemaskini dan

dijangka akan dimuktamadkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Antara langkah-langkah yang diambil melalui program-program yang digubal berasaskan pelan tindakan pemilikan kekayaan Bumiputera dalam RMKe-11 untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera di bawah agenda pemerksaan ekonomi Bumiputera adalah seperti program pengukuhan ekuiti korporat oleh Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS). Sehingga tahun 2016, EKUINAS telah melabur ke atas 53 bilangan pelaburan langsung dan program penyumberan luar dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.0 bilion dan telah meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak 1.4 kali ganda modal dilabur. Selain itu, EKUINAS dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah melaksanakan program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB). Program ini bertujuan memberi sokongan nasihat dan bantuan holistik kepada syarikat Bumiputera bermodal pasaran kecil dan sederhana untuk berkembang menjadi syarikat yang lebih besar. Untuk enam bulan pertama tahun 2017, kesemua 13 buah syarikat tersenarai awam SJJB telah meningkatkan modal pasaran dari RM4.8 bilion kepada RM8.4 billion yang mana telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM3.6 billion.

- b) Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan syarikat tempatan dan bumiputera secara umumnya dapat menikmati manfaat dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan. Proses perolehan projek kerajaan buat masa ini telah mengambilkira dan tertakluk kepada Dasar Dan Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan sepertimana digariskan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1995.

Melalui TERAJU pula, telah dilaksanakan Dasar "Carve-Out & Compete" yang mana telah menghasilkan penglibatan yang lebih menyeluruh oleh usahawan-usahawan Bumiputera sektor pembinaan di dalam projek-projek bertaraf nasional seperti MRT Jajaran 1 & 2, LRT3, Lebuh raya Pan-Borneo dan Menara Warisan Merdeka PNB. Nilai yang telah berjaya di "Carve-Out" khas kepada Bumiputera melalui 13 buah projek sehingga hari ni adalah sebanyak RM54.89 billion;

TERAJU juga telah melaksanakan program-program keusahawanan dan pembiayaan yang dijalankan dan digerakkan secara kolaborasi dengan kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi wilayah pembangunan koridor, syarikat-syarikat milik kerajaan

(GLCs) dan pihak-pihak swasta, pelbagai institusi perbankan antara seperti Dana TeraS dan Dana Mudahcara Bumiputera. Melalui Dana Mudahcara Bumiputera misalnya, sebanyak RM13.18 billion nilai pelaburan swasta berjaya dihasilkan melalui 470 buah projek diseluruh negara.

Selain itu, penetapan KPI Bumiputera di setiap kementerian dan syarikat GLCs/GLICs untuk memastikan Agenda Bumiputera turut dilaksanakan bersama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat GLCs/GLICs telah mencatatkan nilai inisiatif keseluruhan sebanyak RM44.7 bilion pada tahun 2015 berbanding RM43.8 bilion pada 2014, yang merupakan tahun pertama pelaksanaan KPI di syarikat GLCs/GLICs;

Semenjak penubuhan TERAJU pada tahun 2011 sehingga 30hb April 2017, TERAJU telah berjaya mencipta nilai, peluang perniagaan, pembiayaan serta pembangunan modal insan untuk Bumiputera sebanyak RM 108.2 billion melalui 27 buah program dan inisiatif yang dijalankan melalui kerjasama dengan kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi wilayah pembangunan koridor, syarikat-syarikat milik kerajaan (GLCs) dan pihak-pihak

swasta selaras dengan matlamat Kerajaan untuk memastikan penyertaan masyarakat Bumiputera dalam ekonomi secara lebih bermakna dan mampan.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017